

LEKSIKAL HARIMAU DALAM PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

TIGER LEXICAL IN MALAY PROVERBS: AN INQUISITIVE SEMANTIC ANALYSIS

Mohamad Afiq Hidayat MOHAMAD HELNI*¹

Nurul Jamilah ROSLY²

^{1,2}Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh, Johor, Malaysia.

*¹Afiqhidayat01@gmail.com

²Nuruljamilah@iium.edu.my

Corresponding author*

Received: 21st January 2025

Accepted: 25th April 2025

ABSTRAK

Peribahasa berunsur harimau digunakan sebagai simbol untuk menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Melayu dan mempunyai nilainya yang tersendiri untuk dijadikan panduan hidup. Cara hidup orang Melayu lama yang selalu meneliti unsur alam dan mengenali sifat binatang seperti harimau menyebabkan mereka menggunakan harimau sebagai simbol berkias dan memberikan teguran. Kajian ini menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) dan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam menganalisis data. Sebanyak empat peribahasa diambil Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Haji Said (2013) untuk dianalisis. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti domain yang terdapat dalam peribahasa Melayu yang mempunyai leksikal harimau dan menganalisis makna peribahasa yang mempunyai leksikal harimau menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dibantu dengan Rangka Rujuk Silang. Hasil kajian menunjukkan berdasarkan peribahasa berunsur harimau terdapat empat domain yang dikenal pasti, iaitu domain kepimpinan atau kekuasaan, kekeluargaan, sindiran atau ironi dan sia-sia. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa objek harimau ini menjadi perlambangan bagi tingkah laku seseorang manusia seperti garang, bengis dan berani. Walaupun begitu, masih lagi terdapat makna tersirat yang ingin disampaikan seperti pesanan untuk berbuat baik dengan masyarakat dan teguran kepada individu yang bersubahat dalam melakukan kejahatan. Perkara ini sekali gus mencerminkan keunikan dan akal budi Melayu dalam berkata-kata. Kajian ini dilihat dapat memberikan sumbangan dalam bidang pendidikan terutama dalam ilmu semantik yang memfokuskan kajian peribahasa. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat dikembangkan lagi dengan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) menggunakan unsur yang berbeza pada masa akan datang.

Kata kunci: Semantik inkuisitif, pendekatan rangka rujuk silang, peribahasa, akal budi melayu, harimau

ABSTRACT

Proverbs with tiger elements are used as symbols to describe the reality of Malay society and have their own value to be used as a guide for life. The way of life of the old Malays who always examined the elements of nature and recognize the nature of animals such as tigers led them to use tigers as symbols to illustrate and give reprimands. This study uses the Semantic Inquisitive (SI) approach and the Cross-Reference Framework (RRS) approach in analyzing the data. A total of four proverbs were taken from the Malay Proverbs Dictionary by Sapinah Haji Said (2013) for analysis. This study aims to identify the domains found in Malay proverbs that have tiger lexical items and analyze the meaning of proverbs that have tiger lexical items using the semantic inquisitive approach assisted by the Cross-Reference Framework. The results of the study show that based on proverbs with tiger elements, there are four domains identified, namely the domains of leadership or power, family, sarcasm or irony and vanity. The findings also show that this tiger object is a symbol for human behaviour such as fierce, aggressive and brave. Even so, there are still implicit meanings that want to be conveyed such as messages to do good to society and reprimands for individuals who are complicit in committing crimes. This also reflects the uniqueness and common sense of the Malays in speaking. This study is seen to be able to contribute to the field of education, especially in semantics which focuses on the study of proverbs. Therefore, it is hoped that this study can be further developed with an Inquisitive Semantics (SI) approach using different elements in the future.

Keywords: Inquisitive semantics, cross-reference framework approach, proverbs, Malay common sense, tiger

Pengenalan

Bahasa dirujuk sebagai alat yang digunakan untuk menghubungkan sesebuah kelompok masyarakat bagi menyampaikan gagasan, maklumat serta menyatakan fikiran dan perasaan. Di samping itu, bahasa menurut perspektif masyarakat Melayu pula, merupakan cerminan serta refleksi keperibadian seseorang individu ataupun kelompok. Justeru, dalam komunikasi budaya Melayu terdapat beberapa komponen asas yang dititikberatkan seperti pemilihan perkataan yang baik, tutur kata yang tersusun serta diikuti dengan elemen kesantunan. Kebanyakan bahasa di dunia ini mempunyai teknik bagi menyalurkan pemikiran dan perasaan penutur sewaktu berkomunikasi menggunakan pelbagai strategi lisan. Bagi masyarakat Melayu telah diajar menggunakan pelbagai cara dalam menggunakan bahasa yang mengandungi pelbagai nilai sama ada daripada aspek sosial dan budaya yang tersendiri melalui kesusasteraan Melayu tradisional. Salah satu teknik penyampaiannya adalah melalui peribahasa. Dalam kehidupan orang Melayu peribahasa memainkan dua peranan yang penting. Antaranya, peribahasa berperanan menggambarkan realiti kehidupan manusia. Seterusnya, nilai moral yang terkandung dalam peribahasa dapat menjadi panduan bagi hubungan sesama manusia, alam sekeliling dan kepercayaan. Peribahasa lebih banyak digunakan oleh orang Melayu zaman dahulu sewaktu berkomunikasi kerana peribahasa, menggambarkan persekitaran dan kehidupan masyarakat Melayu terdahulu melalui penyampaian yang ringkas dan padat.

Peribahasa Melayu digunakan semenjak zaman dahulu kala lagi, namun, tarikh sebenar tercetusnya peribahasa ini tidak dapat dinyatakan dengan tepat. Di samping itu, masyarakat perlu memahami bahawa peribahasa ini merupakan milik bersama masyarakat Melayu yang diwarisi daripada nenek moyang yang perlu dipelihara agar tidak terhakis ditelan zaman. Di samping itu, pada zaman dahulu, peribahasa dibentuk sebagai suatu gaya bahasa yang menarik, kerana menerapkan unsur yang berada di sekeliling yang tetap relevan sehingga sekarang. Perlambangan ini terdiri daripada makhluk bernyawa dan tidak bernyawa lalu diaplikasikan melalui idea serta ilham sehingga wujudnya penghasilan peribahasa Melayu. Junaini Kasdan dan Julaina Nopiah (2021) ada menyatakan bahawa seperti alam ini ada perkaitan dengan manusia terutamanya dalam menghasilkan sesuatu karya. Justeru, asas terhasilnya karya ini adalah berdasarkan penelitian tentang alam sekeliling, adat, agama dan budaya.

Selain itu, masyarakat Melayu seringkali menggunakan kiasan ketika berkomunikasi ataupun menegur seseorang. Seperti yang dinyatakan oleh Muhammad Zaid Daud et. al. (2021) orang Melayu menggunakan bahasa kiasan atau bahasa berlapis terutamanya dalam perbualan seharian. Di samping itu, tujuan peribahasa ini dicipta bertujuan menyampaikan nasihat, mendidik, meluahkan perasaan serta dijadikan sebagai kiasan sewaktu berbicara terutamanya dalam situasi untuk memberi nasihat kepada orang lain tanpa menjatuhkan air muka dan secara tidak langsung dapat menjaga maruah seseorang yang dinasihatkan. Ketinggian ilmu masyarakat Melayu sememangnya tidak dapat disangkal lagi dan dapat dilihat melalui penghasilan peribahasa Melayu. Penghargaan perlu diberikan atas usaha-usaha masyarakat Melayu dalam membentuk peribahasa ini. Hal ini disebabkan oleh, penghasilan peribahasa menekankan aspek ketajaman akal dan kreativiti yang sangat mendalam bagi menyatukan ciri-ciri yang berkait dengan alam sekitar dengan sesuatu lambang untuk dijadikan kiasan.

Penjelasan secara harfiah tidak dapat diberikan terhadap kebanyakan lambang yang terdapat dalam peribahasa. Hal ini demikian kerana, penghayatan secara mendalam diperlukan daripada semua aspek bagi memperoleh makna yang tepat bagi setiap peribahasa. Oleh itu, banyak manfaat dan mesej yang diberikan kepada generasi seterusnya secara tidak langsung membimbing seseorang itu menjadi yang lebih baik. Sumber alam semula jadi seringkali menjadi unsur paling kerap yang digunakan dalam penciptaan peribahasa. Pengamatan dan penghayatan serta pengalaman sendiri menjadi salah satu faktor utama dalam perkara ini. Justeru, unsur fauna seperti elemen harimau telah dipilih kerana sifat harimau itu sendiri yang sinonim sebagai simbol keberanian, kepimpinan atau autoriti dalam budaya

melayu dan mempunyai banyak mesej dan makna tersirat yang ingin disampaikan melalui perlambangan ini. Antara contoh peribahasa Melayu yang mempunyai perkaitan dengan harimau seperti 'harimau memperlihatkan kukunya' yang bermaksud orang yang memperlihatkan kekuasaannya. Di samping itu, pengkaji berpendapat bahawa cara menganalisis peribahasa Melayu bergantung kepada pemilihan teori dan pendekatan yang bersesuaian kerana perkara ini merupakan aspek terpenting dalam menganalisis data. Jadi, Semantik Inkuisitif dapat menzahirkan akal budi serta falsafah peribahasa Melayu berunsurkan harimau mengikut domain tertentu. Peribahasa Melayu ini pada dasarnya tercipta berdasarkan peristiwa-peristiwa yang pernah dialami masyarakat Melayu terdahulu. Perkara ini menggambarkan sesuatu kiasan dapat dilambangkan kepada alam sekeliling yang membawa pelbagai maksud tersirat dan dapat dicungkil akal budi dan falsafah daripadanya. Di samping itu, masyarakat Melayu seringkali berkomunikasi secara implisit yang dianggap sebagai teras dalam berbicara pada zaman dahulu terutamanya sewaktu menyampaikan peringatan, nasihat, sindiran dan pedoman hidup yang digunakan sehingga kini. Masyarakat terdahulu telah berjaya mengasimilasikan unsur harimau dalam kiasan yang terdapat dalam peribahasa bagi menggambarkan tingkah-laku seseorang. Oleh sebab itu, tujuan kajian ini dijalankan bagi meneliti peribahasa Melayu berobjekkan harimau. Kajian ini difokuskan kepada falsafah dan maksud peribahasa Melayu yang mengandungi akal budinya yang tersendiri. Pendekatan Semantik Inkuisitif akan diaplikasikan bagi mencari maksud yang sebenar yang terkandung dalam peribahasa Melayu yang berobjekkan harimau.

Sorotan Literatur

Kajian semantik inkuisitif merupakan suatu kajian yang boleh memfokuskan kepada banyak unsur yang berada disekeliling kita. Antaranya, unsur alam seperti fauna. Kajian semantik inkuisitif yang dapat dikaitkan dengan unsur fauna ialah kajian yang bertajuk Leksikal 'AYAM' dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif oleh Eli Aima Shazila dan Julaina Nopiah (2020) yang mengkaji objek 'AYAM'. Penelitian unsur fauna seperti ini turut dilaksanakan oleh pengkaji sendiri yang memfokuskan harimau sebagai unsur pilihan. Dalam kajian yang memfokuskan unsur ayam ini, perlambangan ayam digunakan sebagai gaya hidup orang Melayu untuk dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan. Berdasarkan kajian ini, ayam dijadikan simbol berkias yang berperanan menyampaikan teguran secara halus. Perkara ini terhasil daripada perbuatan seharian masyarakat Melayu terdahulu itu sendiri yang sering menghayati unsur alam dan mengamati perbuatan ayam menyebabkan ayam dipilih sebagai satu perlambangan dalam peribahasa. Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) dan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) digunakan bagi kajian ini untuk penganalisan data yang terdiri daripada 134 peribahasa yang diambil daripada portal peribahasa *malaycivilization.com* dan empat peribahasa dipilih untuk dianalisis. Tujuannya untuk mengenal pasti dan menganalisis refleksi ayam sebagai satu unsur dalam peribahasa Melayu bagi menyampaikan akal budi dan falsafah. Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kedua susunan Abdullah Hussain (2016) digunakan dan dijadikan sebagai panduan untuk memperoleh data peribahasa Melayu. Hasil kajian menyimpulkan orang Melayu lama menggunakan peribahasa yang berobjekkan ayam ini untuk menegur sekaligus menunjukkan kebijaksanaan masyarakat terdahulu dalam tutur-kata.

Selanjutnya, kajian yang juga turut memfokuskan unsur fauna juga ialah kajian yang bertajuk Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif oleh Sahfiq Amran dan Julaina Nopiah (2020). Tujuan kajian dilaksanakan bagi mengetengahkan falsafah dan akal budi Melayu yang terkandung dalam peribahasa berunsurkan burung. Data kajian yang diambil daripada *www.malaycivilization.com* Universiti Kebangsaan Malaysia, terdapat empat peribahasa berbeza yang dipilih terdiri daripada empat variasi burung iaitu pipit, enggang, pegar dan pungguk. Pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang diaplikasikan untuk menganalisis. Kajian ini menunjukkan unsur burung sinonim dengan kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini terjadi kerana, orang Melayu mengamati dengan teliti terhadap alam sekeliling yang secara tidak langsung membawa kepada

falsafah dalam menyampaikan pesanan melalui peribahasa Melayu terutamanya dalam bentuk tersirat disulami dengan penuh kesantunan yang dapat dicungkil menerusi pendekatan Semantik Inkuisitif.

Selain itu, pendekatan semantik inkuisitif bukan hanya dapat meneliti unsur fauna sahaja, namun unsur alam lain seperti flora juga dapat dilihat melalui kajian yang bertajuk Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif oleh Junaini Kasdan dan Julaina Nopiah (2021). Berdasarkan kajian ini, penggunaan peribahasa mengenai resam padi sudah tidak asing lagi bagi masyarakat Melayu dan perkara ini membuka mata pengkaji untuk meneroka akal budi yang terdapat di sebalik peribahasa ini. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara bahasa dan pemikiran menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Data peribahasa diambil daripada pangkalan data www.malaycivilization.com dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (1989). Di samping itu, berdasarkan korpus yang wujud analisis rangka rujuk silang yang digabungkan dengan pemahaman budaya yang membantu dalam menghuraikan maksud kiasan Melayu sehingga ke akal budi penuturnya. Kajian ini menunjukkan resam padi yang menunduk boleh disinonimkan dengan perwatakan yang tidak sombong. Terdapat perbandingan tingkah laku positif iaitu padi dan negatif iaitu lalang dalam peribahasa. Jika diamati dengan teliti, masyarakat Melayu dahulu mencipta peribahasa penuh dengan ilmu dan bukanlah susunan kata kosong yang sedap didengar semata-mata.

Seterusnya, kajian semantik inkuisitif yang bertajuk Leksikal 'Hati' dalam Simpulan Bahasa: Analisis Semantik Inkuisitif oleh Nurul Syazana Roslan dan Nurul Jamilah Rosly (2021) memfokuskan aspek yang berbeza daripada kajian yang lain kerana memfokuskan unsur tubuh badan iaitu hati. Kajian ini menganalisis simpulan bahasa Melayu yang menggunakan leksikal 'hati' menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan rangka rujuk silang. Berbentuk kualitatif dan mengumpulkan data daripada Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua, penulisan Abdullah Hussain (2016) dan buku Peribahasa Melayu, Penelitian Makna dan Nilai oleh Zaitul Azman dan Ahmad Fuad (2011) bagi mendapatkan simpulan bahasa yang mempunyai leksikal 'hati'. Hasil dapatan kajian ini dipecahkan kepada empat domain iaitu positif, negatif, perasaan dan tingkah laku berdasarkan simpulan bahasa yang dikumpulkan. Berdasarkan tiga tahap semantik inkuisitif dapat disimpulkan bahasa masyarakat terdahulu sangat menghayati perkara di sekitar mereka. Simpulan bahasa dibentuk bukan sahaja berfokuskan aspek unsur alam semata-mata seperti hati tungau dan hati tikus. Namun, meliputi juga ketuhanan seperti "hati tawajuh" dan unsur logam seperti "hati emas". Kesimpulannya, kajian makna simpulan bahasa yang mengaplikasikan pendekatan semantik dapat membantu pemahaman makna sesuatu simpulan bahasa dengan lebih jelas.

Akhir sekali, kajian semantik inkuisitif juga boleh dirujuk kepada unsur lain seperti aspek gastronomi. Antara kajian yang memfokuskan aspek gastronomi ialah kajian yang dijalankan oleh Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2018) yang bertajuk Makanan 'Berangin' dan 'Berbisa' dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. Data dikumpul daripada pangkalan data www.malaycivilization.com Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu dan dianalisis dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dan Semantik Inkuisitif. Hasil kajian ini menunjukkan perkara negatif seperti sombong dan megah dirujuk sebagai makanan berunsur angin manakala bagi makanan berunsur bisa dikaitkan dengan curang dan suka merungut. Hubungan antara makanan dan bentuk objek dengan unsur-unsur gastronomi, terutamanya yang berunsurkan angin dan bisa berjaya ditonjolkan menerusi kajian semantik inkuisitif yang dibuktikan melalui penghuraian makna berlandaskan data korpus.

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan pengkaji lepas menggunakan unsur yang berada disekeliling masyarakat dan memfokuskan penggunaannya dalam peribahasa Melayu. Antaranya, unsur alam seperti fauna iaitu ayam dan burung, flora seperti padi, unsur tubuh badan seperti hati dan unsur gastronomi seperti makanan. Perkara ini telah meunjukkan kelompangan kajian yang berkaitan unsur fauna seperti harimau. Hal ini demikian kerana, terdapat banyak peribahasa Melayu yang berunsurkan harimau dan harimau itu sendiri yang amat dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri.

Metodologi Kajian


Kajian ini merupakan kaedah penyelidikan kualitatif. Secara umumnya, kajian kualitatif adalah berbentuk deskriptif. Oleh sebab itu, kajian ini merupakan kajian mengenai peribahasa Melayu yang dijadikan sebagai data-data kajian. Pengkaji telah menetapkan dua kaedah bagi mendapatkan data berkaitan peribahasa Melayu berunsurkan harimau. Dalam bahagian ini, pengkaji menetapkan dua jenis kaedah penyelidikan yang digunakan. Yang pertama, kaedah pengumpulan data. Data dikumpulkan daripada Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Haji Said (2013) lalu mengkategorikan data-data mengikut kategori peribahasa. Yang kedua, kaedah penganalisan data. Pengkaji menganalisis data menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif dengan bantuan Rangka Rujuk Silang (RRS). Akhir sekali, pengkaji akan mencungkil akal budi Melayu dan mengaitkannya dalam analisis peribahasa berunsurkan harimau.

Pada bahagian kaedah pengumpulan data, sebanyak dua kaedah dipilih yang terdiri daripada kaedah kepustakaan dan analisis teks untuk memperoleh data mengenai peribahasa berunsurkan harimau. Yang pertama, kaedah kepustakaan. Kaedah ini dapat membantu mengumpul data kajian yang diperlukan dalam penyelidikan yang dilaksanakan. Selain itu, perkara ini dapat mengurangkan kebarangkalian menjalankan kajian yang mirip seperti pengkaji lain. Oleh sebab itu, maklumat dikumpul daripada sumber rujukan seperti sumber bacaan dalam bentuk bercetak dan elektronik. Antara buku yang digunakan adalah Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Haji Said (2013). Selain itu, pengkaji juga telah menelaah jurnal-jurnal akademik dan buku-buku ilmiah yang dapat memperoleh maklumat berkaitan kajian. Selain itu, pengumpulan data kajian ini diambil daripada Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Haji Said (2013) sebagai panduan serta membantu pengkaji untuk mengumpulkan data-data peribahasa Melayu yang berunsurkan harimau dan juga informasi bagi Rangka Rujuk Silang (RRS). Kaedah ini sedikit-sebanyak membantu mendapatkan sumber rujukan yang bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan dan memenuhi objektif. Kesemua kaedah yang dipilih ini tertumpu khusus kepada sumber yang merujuk kepada harimau. Selain itu, kaedah analisis teks. Pembacaan yang teliti serta memahami kandungan maklumat tersebut dengan kaedah analisis teks. Pengkaji telah menjadikan Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Haji Said (2013) untuk diteliti bagi memperoleh peribahasa yang berunsurkan harimau Terdapat sebanyak 41 peribahasa terpilih yang disenaraikan yang terdapat dalam Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Haji Said (2013) yang berunsurkan harimau sebagai perlambangan. Namun, hanya empat sahaja peribahasa berunsurkan harimau akan digunakan sebagai data kajian.

Pengkaji memfokuskan pada analisis peribahasa berunsurkan harimau dan mencungkil akal budi Melayu daripada peribahasa-peribahasa yang dipilih. Data yang akan dibincangkan merupakan data peribahasa berunsurkan harimau yang telah dipilih mengikut kategori domain tertentu. Berikut merupakan langkah-langkah yang diambil untuk menganalisis data kajian menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah (2014) seperti rajah berikut:

Rajah 1: Pendekatan Semantik Inklusif

Dapatan Kajian



Hasil dapatan analisis menunjukkan peribahasa ini dapat dibahagikan kepada empat domain utama. Antaranya, domain kepimpinan atau kekuasaan, kekeluargaan, sindiran atau ironi dan sia-sia. Pengkaji seterusnya telah memilih 4 daripada 41 peribahasa berunsurkan harimau untuk dianalisis berserta domain yang bersesuaian dengan peribahasa tersebut.

Domain Kepimpinan atau Kekuasaan

Peribahasa Melayu berunsurkan harimau yang dijadikan sandaran bagi perbincangan yang menjurus kepada domain kepimpinan atau kekuasaan adalah seperti yang berikut:

Jadual 1: Peribahasa Terpilih Domain Kepimpinan atau Kekuasaan

Rujukan	Peribahasa	Maksud
P1	Harimau ditakuti sebab giginya	Orang pendiam yang tangkas bekerja atau berfikir

Tahap 1: Semantik Skrip

Data P1 dalam Jadual 1 di atas merujuk kepada peribahasa ‘harimau ditakuti sebab giginya’. Peribahasa ini membawa maksud orang besar-besar itu ditakuti kerana kekuasaannya. Peribahasa ini digunakan bagi menggambarkan orang yang berpangkat itu ditakuti sebab kuasanya.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Segala kata-katanya diikuti hanya ketika masih berkuasa, setelah dipecat daripada jawatan dia sentiasa menerima ejekan dan tidak diendahkan lagi, harimau ditakuti sebab giginya. (Sapinah Haji Said. *Kamus Peribahasa Melayu*, 1993)

Pengaplikasian RRS dalam data (i) memperlihatkan bahawa perlambangan harimau dipadankan dengan premis tambahan “kata-katanya” diikuti “ketika masih berkuasa”. Orang yang mempunyai pangkat atau kedudukan dalam sesuatu organisasi mempunyai hak untuk memberi arahan kepada orang bawahannya. Berdasarkan data (i), pemahaman yang dibawakan leksikal harimau ialah rujukan kepada kata-katanya diikuti hanya “ketika masih berkuasa” membawa maksud seseorang individu yang

dianggap berkuasa hanya akan diikuti arahan dan keputusannya sewaktu mempunyai pangkat, jawatan dan kuasa sahaja. Bagi ungkapan “ditakuti sebab giginya” pula membawa maksud orang bawahan hanya akan mengikut arahan dan keputusan orang yang mempunyai pangkat dan kuasa kerana golongan ini mempunyai kedudukan yang lebih tinggi namun selepas kehilangan semua kuasa dan kedudukan ini, individu tersebut hanya akan dipandang remeh dan tidak dihiraukan oleh orang sekeliling. Secara keseluruhannya, penggunaan P1 dalam ayat ini menggambarkan individu yang mempunyai pangkat hanya akan dapat mengatur dan memberi arahan orang bawahannya sewaktu mempunyai pangkat dan kedudukan sahaja namun, perkara itu hanya akan berlanjutan sehingga individu tersebut kehilangan jawatannya serta akan dikutuk dan diabaikan oleh orang sekeliling. Perkara ini lazim berlaku kepada kepada golongan berpangkat yang menindas orang bawahan sewaktu berkuasa. Setelah kehilangan kuasa, individu tersebut biasanya dipandang serong dan menjadi sasaran kutukan masyarakat. Namun, jika seseorang yang berpangkat melaksanakan tugasnya dengan baik dan disenangi orang sekeliling, individu tersebut akan disanjung tinggi sama ada individu tersebut masih ataupun sudah tidak memegang jawatan lagi.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Harimau merupakan haiwan yang secara puratanya bersaiz 2.4 meter panjang dan seberat 120 kilogram dan bersifat pemangsa utama ekosistem yang akan menjadikan sumber makanan utamanya adalah babi hutan, kijang, rusa, napuh, landak, seladang dan pelanduk. Jadi tidak hairanlah, sejak dahulu lagi harimau mendapat julukan sebagai raja rimba terutamanya bagi negara kita Malaysia. Harimau Malaya atau nama saintifiknya *Panthera Tigris Jackson* merupakan salah satu subspesies harimau belang yang masih wujud di dunia dan hanya terdapat di Semenanjung Malaysia dan tidak terdapat di Sabah dan Sarawak. Selain daripada mempunyai fizikal yang besar, harimau juga keunikan yang terletak pada gigi dan taringnya. Menurut laman sesawang *harimau.my* menyatakan rahang gigi seekor harimau dewasa normal kebiasaannya mempunyai sekitar 30 batang gigi. Tambahan pula, seekor harimau dewasa mempunyai gigi taring yang boleh mencapai sehingga tiga inci panjangnya. Gigi taring ini amat penting dan digunakan untuk menggigit, melapah, mengunyah dan menelan daging mangsa semasa berburu. Selain itu, ruang yang besar antara gigi geraham dan taring harimau ini memudahkan lagi harimau untuk menangkap mangsa dengan kuat. Gigi harimau yang besar ini disokong dengan otot rahang gigi harimau yang fleksibel. Namun, lama-kelamaan seekor harimau dewasa yang sudah berumur akan mempunyai beberapa perubahan terhadap giginya, iaitu gigi akan mula menguning atau berubah warna apabila semakin berusia. Giginya juga akan mula tercabut secara tidak langsung keupayaan seekor harimau itu untuk menangkap mangsa akan berkurangan terutamanya mangsa yang kuat dan meronta sewaktu diburu. Dalam konteks akal budi dan falsafah masyarakat Melayu, perkara yang ingin ditonjolkan dalam peribahasa “harimau ditakuti sebab giginya” adalah kerana pada zaman dahulu masyarakat Melayu sering melakukan aktiviti di kawasan hutan seperti memburu dan sebagainya. Jadi, masyarakat Melayu terdahulu telah menggunakan gigi atau taring harimau ini sebagai pelindung ataupun azimat kepada mereka. Tambahan pula, sifat supernatural yang melambangkan karisma dan kekuatan yang dikatakan boleh mempengaruhi si pemakai kerana mempunyai aura dan mampu menguasai dan mempengaruhi orang lain seperti kuasa memukau. Pemakai taring harimau ini kebiasaannya dianggap sebagai seorang yang sangat kuat dan berani. Di samping itu, gigi harimau juga sering dijadikan barang pusaka bagi golongan yang memegang kepercayaan ritual. Oleh sebab itu, gigi atau taring harimau ini dianggap sebagai satu lambang kekuatan dan kekuasaan yang digunakan oleh sesetengah individu untuk mendapatkan kehormatan dan ditakuti oleh masyarakat ataupun untuk mendapatkan sesuatu seperti pangkat dan kuasa. Secara keseluruhan, pengkaji juga berpendapat bahawa antara akal budi dan falsafah lain yang ditonjolkan dalam P1 ialah masyarakat terdahulu ingin menyatakan bahawa orang yang berpangkat hanya ditakuti kerana kekuasaannya sama seperti si pemakai gigi ataupun taring harimau yang dijadikan sebagai azimat. Hal ini disebabkan oleh kepercayaan sesetengah masyarakat Melayu bahawa

pemakaian azimat seperti ini dapat membantu si pemakai untuk mendapat kehormatan dan kekuasaan. Tambahan pula, peribahasa ini juga menyindir perbuatan tersebut kerana perkara ini merupakan satu perkara yang bertentangan dengan ajaran agama Islam yang melarang penganutnya bergantung kepada benda selain daripada Allah kerana perbuatan ini dianggap syirik kerana menduakan Allah SWT seperti dalam firman Allah:

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya, dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya. Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.” (Surah al-Nisa, ayat ke-48)

Jelaslah di sini menunjukkan, bahawa masyarakat Melayu dahulu menggunakan gigi harimau sebagai perlambangan kepada kekuasaan yang dimiliki oleh orang yang berpangkat dan jika kehilangan jawatan tersebut, maka hilanglah hormat orang kepadanya.

Domain Kekeluargaan

Peribahasa Melayu berunsurkan harimau yang dijadikan sandaran bagi perbincangan yang menjurus kepada domain kekeluargaan adalah seperti yang berikut:

Jadual 2: Peribahasa Terpilih Domain Kekeluargaan

Rujukan	Peribahasa	Maksud
P2	Takkan harimau makan anaknya	Marah dan bengis

Tahap 1: Semantik Skrip

Data P2 dalam Jadual 2 di atas merujuk kepada ‘takkan harimau makan anaknya’ bermaksud marah bapa kepada anaknya tidak akan sampai membunuh. Peribahasa ini digunakan bagi merujuk kepada sifat kekeluargaan khususnya cara didikan seorang bapa terhadap anaknya.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Usaha berendam dengan ayah yang sering marah dan pernah memukul kerana tindakannya itu untuk mendidik kamu kerana *takkan harimau makan anaknya*. (Sapinah Haji Said. *Kamus Peribahasa Melayu*, 1993)

Pengaplikasian RRS dalam data (i) memperlihatkan bahawa perlambangan harimau dikaitkan dengan premis tambahan “ayah yang sering marah dan pernah memukul”. Sifat seorang ayah sering disinonimkan dengan garang dan tegas, terutamanya dalam mendidik anak-anak. Hal ini kerana, peranan bapa tidak boleh dipandang enteng kerana bapa mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai pemimpin, pelindung, pendidik, contoh ikutan dan juga pemberi nafkah buat isteri dan anak-anak. Selain itu, seorang ayah merupakan ketua dan nakhoda kapal yang memimpin keluarga dalam menentukan arah kapalnya berlayar sehingga ke destinasi rumah tangga yang harmoni. Oleh itu, kedudukan seorang bapa amat dimuliakan dalam Islam sebagaimana kedudukan seorang ibu sehingga diingatkan oleh Allah Taala dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa.” (Surah al-Isra’ ayat 23)

Namun, setiap individu yang bergelar ayah mempunyai cara didikan terhadap yang berbeza iaitu secara lemah-lembut dan ada juga yang menggunakan kekerasan. Walaupun bagaimanapun, tindakan untuk mendidik anak masing-masing bukanlah sehingga membunuh seperti pemahaman yang dibawakan dalam “makan anaknya” yang dirujuk sebagai tidak akan sampai membunuh anaknya. Perkara ini, semestinya, tidak akan berlaku jika tujuan memukul itu hanyalah untuk mendidik anak menjadi insan yang berguna.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Perlambangan harimau dalam peribahasa ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dahulu merujuk sifat seorang ayah seperti harimau. Hal ini disebabkan oleh, harimau sudah sinonim dengan sifatnya yang liar dan telah wujud di sekitar masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Secara teknikalnya, harimau merupakan seekor haiwan yang ganas dan liar yang sinonim dengan sifat bagi seorang ayah yang sering marah dan memukul. Namun menurut Ubi Marchino (2022) harimau hakikatnya merupakan mamalia yang pemalu dan biasanya akan mengelak seboleh mungkin daripada berkonflik dengan manusia. Harimau akan bersikap ganas hanya jika cedera atau berasa terancam akibat daripada keadaan sekeliling itu sendiri. Hal ini menunjukkan harimau hanya akan bertindak balas jika berada dalam situasi tertentu dan bukanlah sentiasa bersikap ganas terhadap sekeliling. Perkara ini bertepatan dengan makna harimau dalam P2 itu sendiri yang membawa maksud seorang ayah akan memarahi dan memukul sebagai hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh anak itu sendiri. Namun, tindakan yang dilakukan seorang ayah itu bukanlah secara sengaja atau tanpa sebab tetapi bergantung kepada situasi yang bertujuan untuk mendidik sama seperti sifat harimau yang hanya akan bertindak ganas atau menyerang mengikut keadaan sekeliling seperti terancam ataupun cedera.

Selain itu, harimau juga merupakan sejenis haiwan yang dikategorikan sebagai karnivor yang hanya akan memakan daging sahaja. Walaupun begitu, seekor harimau dewasa tidak akan memakan anaknya sendiri malahan harimau dewasa akan mengajar anaknya untuk memburu haiwan lain semasa kecil bagi memastikan anaknya mempelajari cara untuk kelangsungan hidup, iaitu mencari makanan sendiri. Oleh sebab itu, menurut pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri Kelantan (2023) menyatakan pada musim mengawan, sesetengah kawasan hutan merupakan kawasan rayau harimau keluar mencari makanan selain mengajar anaknya memburu. Dengan terbuktinya sifat harimau dewasa terhadap anaknya yang dinyatakan ini, tidak hairanlah leksikal harimau itu dipilih sebagai perlambangan dalam P2. Hal ini demikian kerana, seekor harimau yang mempunyai sifat liar dan membunuh tetapi masih mempunyai naluri dan sifat kekeluargaan kerana tidak membunuh anaknya sendiri untuk kelangsungan hidup malahan anak harimau akan diajar cara untuk membunuh untuk mendapatkan makanan oleh harimau dewasa sewaktu mereka kecil. Perkara ini dapat digambarkan sebagai seorang ayah dalam masyarakat Melayu yang mempunyai sifat tegas dalam mendidik walaupun dengan cara sering marah atau memukul, namun, masih lagi tidak melebihi batasan sehingga membunuh.

Perkara ini telah disebutkan dalam Islam yang meletakkan beberapa kriteria bagi menghukum anak untuk tujuan mendidik. Menurut Islam, sewaktu menghukum anak-anak dengan cara hukuman rotan, tidak boleh lebih daripada sepuluh kali sebatan dan hendaklah berniat untuk mendidik supaya akhlak mulia pada diri anak-anak yang lama-kelamaan akan terbentuk dan hukuman bukannya tempat melepaskan kemarahan sehingga mencederakan mereka. Tambahan pula, ibu bapa perlu mengelakkan memukul khususnya ke bahagian muka anak-anak. Ini kerana, terdapat larangan daripada Nabi SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah maksudnya:

“Apabila salah seorang daripada kamu bergaduh maka hendaklah dia menjauhi (dari memukul) muka” (Riwayat Muslim)

Secara keseluruhan, P2 yang digunakan dalam data korpus (i) ingin mengetengahkan bahawa walaupun perbuatan seorang ayah yang sering marah dan memukul anaknya bukanlah satu perbuatan yang tidak berasas tetapi tujuannya adalah untuk mendidik anaknya menerusi perlambangan harimau. Sebagai seorang ayah yang mengetuai keluarga, cara didikan merupakan perkara yang amat diperlukan untuk membentuk keluarga yang harmoni dan hubungan kekeluargaan yang akrab antara ahli keluarga. Oleh hal yang demikian, masyarakat terdahulu ingin menyampaikan pesanan yang tersirat bahawa seorang ayah berperanan dalam mendidik anak-anak mengikut cara yang bersesuaian bagi memastikan anak-anak menjadi insan yang berguna dan berakhlak mulia yang dapat berbakti semula kepada keluarga dan masyarakat.

Domain Sindiran atau Ironi

Peribahasa Melayu berunsurkan harimau yang dijadikan sandaran bagi perbincangan yang menjurus kepada domain sindiran atau ironi adalah seperti yang berikut:

Jadual 3: Peribahasa Terpilih Domain Sindiran atau Ironi

Rujukan	Peribahasa	Maksud
P3	Rupa harimau hati tikus	Nampak gagah berani tapi sebenarnya penakut

Tahap 1: Semantik Skrip

Data P3 dalam Jadual 3 di atas merujuk kepada peribahasa ‘rupa harimau hati tikus’. Peribahasa ini membawa maksud nampak gagah berani tetapi sebenarnya penakut. Peribahasa ini dirujuk sebagai sindiran bagi memperlihatkan ironi perwatakan golongan yang kelihatan kuat tetapi apabila diancam tidak berani melawan.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Penjajah Inggeris yang memerintah beberapa kawasan di Asia Tenggara itu dikatakan seperti *rupa harimau hati tikus* kerana apabila digertak oleh Jepun mereka terus menyerahkan wilayah yang sedang diperintah itu. (Sapinah Haji Said. *Kamus Peribahasa Melayu*, 2013)

Berdasarkan data (i) maklumat tambahan yang boleh digunakan bagi memahami peribahasa ‘rupa harimau hati tikus’ ialah penjajah inggeris yang apabila digertak oleh Jepun mereka terus menyerahkan wilayah yang diperintah. Penjajahan jepun di Tanah Melayu merupakan satu pertempuran yang tidak mengambil masa yang lama untuk peralihan kuasa daripada penjajahan Inggeris (British) kepada pihak Jepun. Tanah Melayu yang merupakan antara kawasan yang berada dalam Asia Tenggara merupakan kawasan yang terlibat dengan penjajahan Tentera Empayar Jepun ini yang bermula 8 Disember 1941 sehinggalah pihak Inggeris (British) berjaya menawan semula semasa 31 Januari 1945 semasa Perang Dunia Kedua dengan bantuan luar yang menyokong gerakan mereka. Berdasarkan data (i) pemahaman yang dibawakan dalam data ini walaupun penjajah Inggeris dilihat sebagai kuasa besar kerana berjaya menakluki banyak negara dan kawasan sekitar Asia Tenggara, namun, apabila pihak Jepun datang memberi ancaman seperti menggertak, mereka terus berundur dan menyerahkan kawasan yang diperintah oleh mereka pada ketika itu.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Rupa yang kelihatan pada mata kasar ialah harimau, iaitu sejenis binatang buas yang berani. Walaubagaimanapun, hatinya seperti hati tikus yang kecil dan penakut. Dalam konteks akal budi dan falsafah masyarakat Melayu, perkara yang ingin ditonjolkan dalam P3 yang melambangkan dua perkara, 'rupa harimau' dan 'hati tikus'. Harimau belang merupakan spesies kucing yang terbesar di dunia dan hanya ditemui di 49 Asia mempunyai fizikal yang besar, kuku dan gigi yang tajam. Seekor harimau dewasa boleh mencecah sehingga 96 km/j. Tambahan pula, ngaumannya yang boleh didengari lebih dari dua batu atau sekitar tiga kilometer (km) jauhnya. Di samping itu, harimau juga tergolong dalam *Order Carnivora*. Kumpulan haiwan ini ialah pemakan daging dan mempunyai gigi taring untuk mengoyak daging. Oleh sebab itu, harimau ditakuti dan digeruni oleh musuh kerana fizikal dan sifatnya.

Selain itu, tikus pula merupakan sejenis haiwan yang merupakan kelompok terbesar spesies rodensia dan mamalia dalam keluarga *Muridae* yang terdiri daripada 1383 spesies yang ditemui. Tikus pada umumnya dikenali sebagai haiwan yang sinonim dengan penakut kerana sifatnya yang sukar untuk menyesuaikan diri di tempat baharu serta mempunyai naluri terhadap ancaman yang tinggi sehingga mereka cenderung untuk bertindak balas dengan cara ketakutan terhadap ancaman atau bahaya. Dalam hal ini, harimau dirujuk sebagai haiwan yang membawa rupa ganas dan garang serta dianggap kuat dan berkuasa manakala hati tikus merujuk kepada sifat pengecut seseorang. Peribahasa ini merupakan sindiran secara halus yang ingin ditunjukkan kepada individu atau golongan yang hanya kelihatan gagah dan berkuasa namun hanya seorang yang bersifat pengecut dan penakut dalam bertindak. Pada pendapat pengkaji, penciptaan peribahasa ini bertitik tolak daripada pengalaman masyarakat terdahulu yang pernah terserempak dengan harimau dan tikus di alam semula jadi. Melihat kepada fizikal dan sifat harimau dan tikus ini masyarakat terdahulu telah menggunakan persamaan yang wujud antara perwatakan harimau dan perwatakan tikus yang diamati sebagai metafora.

Tambahan pula, pengkaji turut menyatakan peribahasa juga digunakan sebagai sindiran. Masyarakat terdahulu menggunakan peribahasa untuk menasihati anak bangsa supaya menjadi lebih berani bukan sahaja terlihat daripada zahir sahaja tetapi perlulah merangkumi aspek dalaman seperti mental khususnya keberanian. Akan tetapi, setiap tindakan yang dibuat perlulah didasari ilmu pengetahuan dan bukannya berlandaskan kemahuan sahaja. Jelaslah di sini P3 ini menunjukkan akal budi dan falsafah orang Melayu diambil berdasarkan haiwan seperti harimau khususnya daripada segi fizikal dan sifatnya. Di samping, haiwan lain seperti tikus sebagai perbandingan kepada rupa harimau yang dianggap gagah dan kuat seperti yang diamati dalam masyarakat Melayu terdahulu.

Domain Sia-sia

Peribahasa Melayu berunsurkan harimau yang dijadikan sandaran bagi perbincangan yang menjurus kepada domain sia-sia adalah seperti yang berikut:

Jadual 4: Peribahasa Terpilih Domain Sia-sia

Rujukan	Peribahasa	Maksud
P4	Menolong kerbau ditangkap harimau	Menolong orang bersalah tetapi akhirnya diri sendiri yang mendapat kesusahan

Tahap 1: Semantik Skrip

Data P4 dalam Jadual 4 di atas merujuk kepada peribahasa 'menolong kerbau ditangkap harimau'. Peribahasa ini membawa maksud Menolong orang bersalah Tetapi akhirnya diri sendiri yang mendapat kesusahan. Peribahasa ini merujuk kepada satu perbuatan yang sia-sia.

Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Hadi enggan menolong kawannya yang lari dari penjara itu kerana takut dituduh bersubahat, menolong kerbau ditangkap harimau (Sapinah Haji Said. *Kamus Peribahasa Melayu*, 2013)

Berdasarkan data (i), maklumat tambahan yang boleh digunakan bagi memahami peribahasa 'menolong kerbau ditangkap harimau' adalah enggan menolong kawannya yang lari dari penjara kerana takut dituduh bersubahat. Perlambangan bagi leksikal harimau ini adalah pihak berkuasa dan undang-undang yang boleh diambil atas kesalahan dan perbuatan jahat. Perbuatan bersubahat ini merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang Malaysia. Bagi pesalah yang terlibat dan bersubahat dengan jenayah melarikan diri dari penjara seperti ini akan diambil tindakan undang-undang dan akan didakwa mengikut Seksyen 224 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali. Berdasarkan data (i), pemahaman yang dibawakan dalam data ini merupakan perbuatan menolong kawan atau kenalan lari dari penjara yang merupakan satu tindakan yang tidak patut dilakukan dan sia-sia kerana jika didapati bersalah, maka boleh dijatuhkan hukuman terhadap perbuatan itu. Oleh itu, tindakan seperti ini perlu dielakkan dan rasa takut perlu ada bagi menghindari perbuatan yang bahaya seperti ini.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Tindakan menolong kerbau yang ditangkap oleh harimau boleh diibaratkan sebagai mencari bahaya. Harimau itu mungkin akan bertindak seperti mencakar dan mengigit orang yang mahu menolong atau menjadikannya pula sebagai mangsa. Kerbau termasuk dalam rantaian makanan harimau sebagai mangsa buruan utama. Hal ini demikian kerana, harimau merupakan haiwan karnivor yang memakan daging dan seekor pemangsa yang agresif terutamanya sewaktu memburu makanan. Kebiasaannya, sewaktu harimau berburu haiwan seperti kerbau dijadikan sebagai sasaran yang mudah bagi mereka. Hal ini demikian kerana, seekor harimau dewasa mampu mencecah kelajuan sehingga 96 km/j bersamaan (60 mph). Larian ini secara amnya adalah tiga kali ganda lebih pantas daripada pelari pecut dunia Usain Bolt dan kira-kira dua kali ganda lebih laju daripada kelajuan spesies kucing domestik atau nama lain kucing peliharaan. Harimau kebiasaannya akan bertindak agresif sewaktu memburu dan berasa terancam. Oleh sebab itu, sewaktu memburu, harimau akan menggunakan kuku dan giginya yang tajam bagi mencengkam mangsa daripada meronta dan melarikan diri. Mangsa yang meronta dan cuba melepaskan diri dianggap satu perbuatan yang sia-sia kerana perbuatan itu hanya akan membuatkan harimau akan bertindak lebih agresif dan menyerang semula. Dalam konteks akal budi dan falsafah masyarakat Melayu, perkara yang ingin ditonjolkan dalam peribahasa 'menolong kerbau ditangkap harimau' merupakan satu perlambangan yang wujud antara 'kerbau' dan harimau'.

Dalam masyarakat Melayu, kerbau sering kali dilambangkan sebagai seekor haiwan yang bersifat bodoh. Sebagai contoh, peribahasa 'bagai jelongak kerbau rampung' yang membawa maksud orang bodoh yang sombong, tidak sedar dirinya dibodohi orang dan peribahasa 'bermain-main dengan kerbau, dilontarnya muka dengan ekornya' bermaksud berkawan dengan orang bodoh, tentu menanggung kerugian. Jadi kerbau berdasarkan peribahasa P4 ini merupakan seorang yang melakukan tindakan yang bodoh seperti melarikan diri dari penjara. Manakala berdasarkan data (i) melihat kepada leksikal harimau pula melambangkan pihak berkuasa yang mampu menjatuhkan hukuman dan tindakan undang-undang kepada perbuatan kesalahan yang dibuat.

Peribahasa ini menerangkan satu perbuatan yang sia-sia kerana membantu orang yang berbuat jahat dari sudut masyarakat Melayu merupakan satu perkara yang tidak membawa faedah

malahan membawa keburukan yang mensia-siakan dan merugikan diri sendiri. Perkara ini turut dinyatakan menurut pandangan Islam dalam al-quran:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”
(Surah al-Ma’idah: 2)

Berdasarkan keterangan di atas, dapat kita fahami bahawa Islam bukan hanya menegah daripada melakukan perkara yang dilarang dalam hukum syarak, tetapi dalam Islam juga perbuatan seperti membantu perlakuan yang dilarang juga merupakan satu kesalahan walaupun dilakukan oleh orang lain.

Secara keseluruhannya, didapati masyarakat Melayu terdahulu menegah untuk membantu orang yang berbuat kejahatan merupakan satu perkara yang sia-sia dan tidak membawa faedah, Larangan ini juga turut dinyatakan dalam ajaran Islam yang menyentuh berkenaan perilaku bersubahat dan menggambarkan perbuatan tersebut sebagai sia-sia dan perlu dijauhkan supaya tidak mendapat kemudatan. Jelaslah di sini bahawa perlambangan leksikal harimau dalam P4 ini menunjukkan kesusahan yang akan diperoleh jika bertindak melakukan kejahatan dengan cara bersubahat atau terlibat secara langsung dengan perbuatan yang dilarang.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, analisis kajian mendapati bahawa masyarakat Melayu terdahulu sememangnya cakna dengan persekitaran kehidupan mereka terutamanya dengan alam semula jadi. Berdasarkan kajian, kehalusan budi bicara Melayu terdahulu telah dirungkai melalui perlambangan harimau yang digunakan dalam pelbagai peribahasa Melayu. Tambahan pula, leksikal harimau dalam peribahasa Melayu ini pula boleh dikategorikan kepada pelbagai domain dan membawa maksud tersirat yang boleh dinilai sebagai aspek yang positif mahupun negatif.

Seterusnya, analisis yang dilakukan terhadap peribahasa Melayu terpilih turut mencungkil akal budi dan falsafah pemikiran Melayu terdahulu. Kajian ini menemukan bahawa peribahasa berunsurkan harimau ini sarat dengan pesanan dan teguran yang ingin ditekankan buat masyarakat. Lebih menarik, nilai-nilai Islam turut diselitkan demi mendidik anak bangsa supaya menjadi insan yang berguna buat masyarakat dan agama secara tidak langsung, ini turut membuktikan bahawa masyarakat Melayu terdahulu sememangnya berpegang teguh dengan ajaran agama Islam dan mengamati alam semula jadi dengan teliti. Pengkaji bercadang agar kajian seperti ini diteruskan tetapi memfokuskan daripada aspek lain seperti menganalisis unsur fauna selain harimau dalam peribahasa menggunakan aplikasi kecerdasan buatan.

Rujukan

- Abdullah Hussain. (2016). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (Edisi Kedua.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Eli Aima Shazila dan Julaina Nopiah. (2020). Leksikal “ayam” dalam peribahasa Melayu: analisis semantic inkuisitif. *Young Scholars Journal of Languages*. <http://irep.iium.my/85388/>
- Harimau.my. (2024). *Utama - harimau.my*. Harimau.my - Kempen Selamatkan Harimau Malaya. <https://harimau.my/>

- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2018). Makanan “berangin” dan “berbisa” dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkusitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(1), 27-40.
- Junaini Kasdan & Julaina Nopiah. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: analisis semantik inkusitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59–72.
- Marchino, U. (2022, January 27). Surat Pak Belang yang malang. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/letters/608574>
- Muhammad Nor Sahfiq & Julaina Nopiah (2020). Peribahasa Melayu berunsurkan burung: satu analisis semantik inkusitif. *International Young Scholars Journal of Languages*. <http://irep.iium.edu.my/85385/>
- Muhammad Zaid Daud, Nurul Aida Abdullah, & Mary Fatimah Subet. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkusitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24–44. <https://doi.org/10.33736/ils.2764.2021>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Pemugaran penyelidikan untuk pemerksaan Bahasa. Institut Alam dan Tamadun Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Syazana Roslan, & Nurul Jamilah Rosly (2021). Leksikal “hati” dalam simpulan bahasa: analisis semantik inkusitif. *International Young Scholars Journal of Languages*. 4(2). 155-170. <http://irep.iium.edu.my/94618/>
- Sapinah Haji Said (2013). *Kamus peribahasa Melayu*. Johor Bahru. Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Zaitul Azma & Ahmad Fuad. (2011). Peribahasa Melayu, penelitian makna dan nilai. Universiti Putra Malaysia.